

# 'PERLU ADA CARA'

15-10-2017

setempat 43



**SULTAN** Ibrahim berkenan menyampaikan Anugerah Khas Alumni UTHM kepada Nur Kamila Yusuf (kanan) pada Majlis Istiadat Konvokesyen UTHM ke-17 di Dewan Sultan Ibrahim, UTHM Batu Pahat.

## ■ Sultan Ibrahim tak tolak jika ada sesiapa beri pandangan

**Mohamad Fahd Rahmat**  
fahd@hmetro.com.my

### Batu Pahat

**S**ultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar menyifatkan Dr Zamihan Mat Zin tidak ubah seperti tin kosong dan tiada otak susulan sikapnya yang angkuh serta sombong susulan isu dobi Muslim yang tular baru-baru ini.

Baginda bertitah, tinda-

kan Presiden Pertubuhan Ahli Sunnah Wal Jamaah (Aswaja) yang mengkritik pandangan baginda boleh didengari sekiranya dilakukan dengan cara beradab.

“Malangnya ada penceramah bernama Ustaz Zamihan Mat Zin mengkritik tindakan saya dan memperlekehkan mufti berkenaan.

“Cara cakupnya sangat angkuh dan sombong seolah-olah dia sahaja yang betul dan mencerca bangsa lain, saya anggap dia hanya

tin kosong dan tiada otak.

“Selepas dikecam orang ramai dia menafikan menyebut perkara berkenaan, nampaknya ustaz ini berbohong pula, macam mana kita hendak belajar dengan dia, jangan nak temberang dengan saya, selepas ini ceramah depan cermin sahaja dan kenal diri sendiri.

“Kalau hendak beri pandangan kepada saya sekalipun, saya akan dengar tetapi bukan dengan cara kurang ajar,” titah baginda di

Majlis Konvokesyen Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) ke-17 di Dewan Sultan Ibrahim UTHM di sini, semalam.

Hadir sama, Naib Canselor UTHM, Profesor Dr Wahid Razzaly, Pro Canselor UTHM,

“**Cara cakupnya sangat angkuh dan sombong seolah-olah dia sahaja yang betul dan mencerca bangsa lain, saya anggap dia hanya tin kosong dan tiada otak”**

*Sultan Ibrahim Iskandar*

Tan Sri Dr Ali Hamsa yang juga Ketua Setiausaha Negara dan Pengerusi Lembaga Universiti UTHM, Tan Sri Ir Jamilus Md Hussin.

Seramai 4,272 graduan menerima ijazah dan diploma masing-masing pada istiadat berkenaan yang menyaksikan 32 graduan menerima anugerah cemerlang dalam bidang akademik, kokurikulum dan kepemimpinan.

Sultan Ibrahim yang juga Canselor UTHM bertitah, bagaimanapun baginda tidak mahu perkara itu dipanjangkan dan memaafkan tindakan Dr Zamihan namun menasihatinya menjaga adab dan tutur kata apabila bercakap di khalayak ramai.

Dalam pada itu, baginda mengarahkan Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) menyemak dan memantau penceramah yang berceramah di Johor dan jika ada yang tidak betul mesti membatalkan kebenaran yang diberikan.

Titah baginda, semua pihak sudah tahu urusan agama di bawah kuasa negeri, sebagaimana termaktub dalam Perjanjian Persekutuan.

“Jangan hanya kesilapan seorang individu merosakkan perjanjian yang sudah dibuat, ibarat kata pepatah kerana nila setitik rosak susu sebelanga,” titahnya.

Baginda bertitah, sebagai ketua agama negeri adalah menjadi tanggungjawabnya untuk menekankan keamanan dan perpaduan rakyat yang berbilang kaum dan agama di Johor.

“Oleh itu apa juga perkara yang saya rasa boleh membawa perpecahan akan diambil tindakan segera,” titahnya.

Rabu lalu polis menahan Zamihan kerana disyaki mengkritik Sultan Johor dalam kuliah agamanya dan kes disiasat mengikut Seksyen 4 Akta Hasutan.